

# Amanat pilihan raya PM

Oleh ZULKIFLI JALIL  
dan BORHAN ABU SAMAH  
(WARTAWAN UTUSAN)

**JIKA** tiada aral melintang, hari ini adalah sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak terakhir bagi penggal ini sebelum dibubarkan bagi membolehkan pilihan raya negeri ke-9 diadakan.

Pada sidang dewan itu juga Ketua Menteri yang juga Pengerusi BN Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dijangka membentangkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang memberi peruntukan besar kira-kira RM14 bilion kepada Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Dijangkakan tiada perbahasan pada sidang dewan pagi ini kerana ia lebih berkisar kepada sesi untuk ahli-ahli dewan undangan negeri mendengar apakah amanat dan sasaran pelaksanaan RMK-9 yang ditetapkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Seorang pemimpin parti komponen BN Sarawak memberitahu *Utusan Malaysia* semalam DUN diyakini akan dibubarkan pada Sabtu ini (22 April) dan selepas itu jentera Barisan Nasional (BN) Sarawak akan digerakkan sepenuhnya demi memastikan kemenangan mutlak pada pilihan raya kelak.

Pada pilihan raya lepas, BN mencapai kemenangan besar meraih 60 kerusi manakala masing-masing satu kerusi oleh DAP dan Bebas. Kali ini, sejumlah 71 kerusi akan menjadi rebutan yang menyaksikan parti-parti pembangkang lain antaranya DAP, SNAP, Pas dan Parti Keadilan Nasional juga akan bersaing sengit sesama sendiri berdepan BN.

Tarikh 22 April, menurut pemimpin komponen itu, dipilih kerana ia adalah hari ke-100 pemergian ibu Abdul Taib, Allahyarham Hamidah Yaakub.

Sejurus itu, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dijadual mengadakan mesyuarat bagi menentukan tarikh penamaan calon. Jika dilihat tempoh yang diperlukan oleh SPR untuk urusan itu adalah antara 10 hingga 15 hari, maka penamaan calon dijangka pada 9 Mei sebelum diikuti pengundian, 18 Mei.

Abdul Taib memang dikenali sebagai seorang yang cukup teliti dalam memilih tarikh untuk sesuatu acara yang besar. Dan pada kebiasaannya beliau memilih nombor 9 kerana sebab tertentu.

Menurut pemimpin komponen itu lagi, bagi orang Jawa - antara etnik minoriti

**Bagi parti tonggak kesemua empat parti komponen BN Sarawak - Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) - dijangka tidak menghadapi masalah untuk menang besar**

yang terkenal dengan ilmu perubatan tradisional di Sarawak-angka 9 merujuk kepada wali Sembilan (Wali Songo).

Jadi, tidak hairanlah RMK-9 juga dianggap tidak kurang pentingnya kepada Sarawak khususnya dan amnya dalam penentu tarikh pilihan raya selain arah tuju Pembangunan Malaysia mencapai negara maju menjelang 2020.

Selepas penamaan calon, SPR dijangka memerlukan masa kira-kira seminggu bagi menggerakkan kakitangannya untuk mengendalikan pilihan raya.

Dalam pada itu, menurut satu sumber, kawasan-kawasan yang dikategorikan sebagai mungkin memberi masalah kepada BN pada pilihan raya kelak atau sebagai kawasan kelabu yang hampir mencecah hitam kebanyakannya bertumpu di kawasan bandar. Hanya beberapa kawasan sahaja meliputi luar bandar.

Kawasan perhatian ramai pastinya DUN Padungan yang dilihat peluang untuk BN mengekalkan kerusi itu masih lagi 50-50 dalam persaingannya dengan DAP. Ini kerana selain isu-isu semasa, ia turut dikaitkan dengan pertelagahan dalam parti yang menyandang kerusi berkenaan iaitu Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP).

## Krisis

Selain itu, kawasan DUN Balai Ringin juga disebut-sebut menghadapi sedikit masalah kerana krisis dalaman manakala di Bukit Begunan, BN akan ditentang oleh bekas Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Seri Daniel Tajem iaitu dari bekas komponen BN yang diharamkan penubuhannya kerana krisis kepimpinan.

Bagi kawasan Engkelili yang diserahkan kepada SUPP pula, masalah mungkin timbul jika calon yang diletakkan adalah dari keturunan Cina kerana 95 peratus daripada pengundi kawasan itu terdiri daripada kaum Iban.



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalam dengan para tetamu Majlis Makan Malam Semua Kaum di Kuching, kelmarin.

Pembangkang mungkin menggunakan isu perkauman untuk meraih simpati dan undi dan ia dilihat satu pendekatan berbahaya kerana melibatkan isu sensitif.

Tentangan pembangkang dijangka paling kuat di kawasan Kidurong yang sekarang disandang oleh DAP, selain kawasan Bukit Asek serta Palawan di Sibul kerana pergerakan DAP di situ dikatakan lebih teratur atau tersusun.

Sedikit masalah juga bakal dihadapi BN di kawasan Belaga dan Ngemah kerana kedua-dua kawasan itu kini diserahkan kepada komponen paling bongsu di dalam BN, Parti Rakyat Sarawak (PRS).

Hipotesis ini berdasarkan cara parti berkenaan ditubuhkan iaitu muncul ekoran pengharaman PBDS yang sebelum ini menguasai kedua-dua DUN tersebut. Dalam hal ini, PRS hanya dianggap sebagai 'pewaris' kedua-dua kerusi yang terletak di hulu Sungai Batang Rajang itu.

Bagi parti tonggak kesemua empat parti komponen BN Sarawak - Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) - dijangka tidak menghadapi masalah untuk mencapai kemenangan besar.

Cuma barangkali sedikit masalah dihadapi BN di kawasan majoriti pengundi kaum Melanau.

Pada masa sama, perselisihan faham di

kalangan wakil-wakil rakyat BN sendiri perlu diberi perhatian. Ini kerana sebarang tindakan oleh mana-mana wakil rakyat memasuki kawasan DUN berjiran bagi menemui pengundi serta membuka cawangan baru dilihat sebagai perbuatan mencerooboh kawasan. Ia akan ditafsirkan sebagai percubaan untuk memperluaskan pengaruh dan cuba menghakis pengaruh wakil rakyat BN lain.

Perbuatan sedemikian perlu dihentikan kerana ia tidak memberi kebaikan kepada mana-mana pihak seperti yang ditekankan oleh Perdana Menteri ketika berucap pada majlis makan malam BN Sarawak di kediaman Ketua Menteri Selasalalu.

Nasihat Abdullah jelas iaitu semua pihak perlu mengetepikan kepentingan sendiri dan berpuak-puak. Sebaliknya, mereka wajar memastikan kemenangan BN yang juga merupakan kemenangan rakyat.

Ini sindrom yang harus dielakkan kerana ketika parti dalam kedudukan utuh inilah muncul kelibat sebilangan pemimpin BN Sarawak yang seolah-olah terlupa objektif dan matlamat perjuangan sehingga akhirnya mereka 'menggigit dan membaham rakan sendiri', sedangkan perbuatan itu merintis jalan kehancuran diri sendiri.